

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2019 [ KHAMIS ]**

**SOALAN NO. 18**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah justifikasi pihak Kerajaan ingin menjual rumah mewah kepada warga asing terutamanya pembeli dari China dan Hong Kong menerusi program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan data Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) Suku Kedua 2019, terdapat 4,213 (12.8%) unit rumah mewah berharga RM1 juta ke atas dengan nilai RM8.3 bilion tidak terjual di negara ini. Sehubungan itu, penjualan rumah mewah kepada warga asing dapat mengurangkan lambakan unit rumah sedia ada serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya.

2. Isu mengenai penjualan rumah mewah kepada warga asing di China dan Hong Kong telahpun dijelaskan dalam kenyataan media bertarikh 12 September 2019 di mana China dan Hong Kong dipetik sebagai contoh antara negara yang boleh disasarkan memandangkan harga purata hartanah di negara tersebut adalah tinggi.

3. Selain itu, berdasarkan transaksi jual beli harta tanah kediaman yang dikeluarkan oleh NAPIC sehingga kini (Jan 2019 – Jun 2019), jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah dengan jumlah sebanyak 398 orang (0.4%), berbanding pemilikan oleh warga Malaysia iaitu 99,524 orang (99.6%). Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran harta tanah kediaman bagi warga asing masih terkawal.

4. Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) telah mula diperkenalkan pada tahun 1996 sebagai *Silver Hair Programme* dan dijenamakan semula sebagai MM2H pada tahun 2002. Program ini diperkenalkan oleh Kerajaan bagi membenarkan warga asing yang berkelayakan untuk menetap di Malaysia dengan Pas Lawatan Sosial Masukan Berbilang (*Multiple Entry Social Visit Pass*) selama tempoh 10 tahun yang boleh diperbaharui. Program ini terbuka kepada semua warga asing yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia tanpa mengira kaum, agama, jantina dan umur. Peserta yang layak

adalah dibenarkan untuk membawa pasangan dan anak yang belum berkahwin di bawah umur 21 tahun yang masih dalam tanggungan.

5. Daripada tahun 2002 hingga 2018, sebanyak 43,943 peserta telah diluluskan penyertaan ke program MM2H. Bagi tahun 2018, sebanyak 6,279 permohonan telah diterima dan sehingga November 2018, 5,011 permohonan telah diluluskan. Daripada 43,943 peserta yang berada di Malaysia, hanya **15% atau 5,108** daripada jumlah tersebut yang membeli rumah di Malaysia dan majoritinya adalah daripada China.

6. Bagi menggalakkan penjualan rumah mewah kepada warga asing, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan sesi perbincangan dengan pihak urus setia Malaysia MySecond Home (MM2H) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada 24 September 2019 yang lalu bagi menyelaraskan promosi penjualan rumah mewah bernilai RM1 juta dan ke atas yang tidak terjual. Kementerian Dalam Negeri (KDN) turut bekerjasama dengan MOTAC dalam hal melibatkan kemasukan warga asing melalui program MM2H ini. Perbincangan susulan akan diadakan dengan pihak KDN bagi melihat penambahbaikan kepada program MM2H ini khususnya daripada aspek keselamatan negara apabila menerima kemasukan warga asing.

Sekian, terima kasih.